

02 NOV 1999

Mahkamah-Anwar (Hanif)

ANWAR KATA HANIF MARAH DIMINTA JANGAN SERTAI GENTING

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bekas Ketua Polis Negara Tun Hanif Omar "marah dan sangat tidak berpuas hati" ketika dinasihati supaya tidak menjadi pengarah sebuah syarikat yang menjalankan kegiatan perjudian.

Katanya Hanif menunjukkan reaksi itu ketika beliau menasihatkannya agar tidak menerima tawaran daripada syarikat Genting Berhad.

Bekas timbalan perdana menteri itu berkata Hanif sebaliknya menyatakan yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun memberikan persetujuan untuk beliau berbuat demikian.

"Saya tidak berupaya membantah," kata Anwar ketika disoal peguam utamanya Christopher Fernando pada hari kelapan membela diri terhadap pertuduhan meliwat bekas pemandu peribadi isterinya, Azizan Abu Bakar, 39.

Anwar, 52, dituduh melakukan perbuatan itu bersama-sama adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada suatu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga didakwa bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan di tempat dan pada masa yang sama.

Anwar dipecat daripada jawatan timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept 1998 kerana sebab-sebab moral.

Katanya, beliau telah mencadangkan jika perlu, beliau akan berikhtiar untuk mendapatkan beberapa jawatan pengarah di syarikat lain sebagai ganti, walaupun gajinya mungkin tidak selumayan yang ditawarkan oleh Genting Berhad.

Anwar berkata beliau telah dimaklumkan mengenai pelantikan Hanif itu oleh bahagian pentadbiran Kementerian Kewangan kerana ianya melibatkan syarikat yang menjalankan kegiatan perjudian.

"Saya ada memanggil Tun Hanif ke pejabat memaklumkan dengan hormat keprihatinan saya dan menasihatkan supaya beliau terus menerima pelawaan menganggotai jawatan dalam syarikat-syarikat lain," katanya.

Anwar berkata pada masa itu, Tan Sri K. Ananda Krishnan telahpun menawarkan jawatan pengarah Binariang dengan gaji melebihi RM20,000 sebulan kepada Hanif.

"Jadi, kurang wajar untuk Tun Hanif sebagai seorang Muslim dan Ketua Polis Negara menerima kedudukan besar dalam syarikat perjudian, meskipun gaji pokok adalah RM50,000 sebulan," katanya.

Lagipun, menurut Anwar, pada ketika itu, syarikat Genting Berhad baru memohon kepada Kementerian Kewangan untuk menurunkan kadar cukai serta mendapat beberapa kelepasan.

"Saya lebih concern (bimbang) tentang imej Ketua Polis Negara kerana sebelum itupun beberapa pegawai tinggi polis dilantik menjadi pengarah syarikat perjudian," katanya.

Anwar berkata Hanif menolak nasihat serta pandangan beliau dan mengulangi bahawa keputusannya untuk menjadi pengarah syarikat perjudian itu tidak akan menjejaskan imej polis.

Anwar berkata Hanif masih dengan pendiriannya untuk menerima tawaran Genting Berhad walaupun beliau telah menjelaskan mengenai kemungkinan Hanif akan dipergunakan untuk mempengaruhi Kementerian Kewangan bagi menurunkan cukai.

"...dan ini tidak dapat saya terima", kata Anwar.

Beliau juga memberitahu mahkamah bahawa Hanif berjumpa beberapa kali dengannya sama ada di rumah atau di pejabat sebelum bekas ketua polis itu bersara.

Hanif, saksi ketiga pendakwaan telah memberitahu mahkamah bahawa polis Cawangan Khas telah melaporkan mengenai aktiviti homoseksual Anwar pada sekitar 1993 dan perkara itu telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri.

Hanif juga berkata Anwar telah meminta seorang ahli perniagaan bernama Datuk Andrew Leong untuk mengatur pertemuan dengan beliau berhubung perkara itu pada tahun yang sama.

Bagaimanapun, Anwar dalam keterangannya hari ini, menafikan dakwaan Hanif itu dan sebaliknya berkata pertemuan itu diatur atas permintaan bekas ketua polis itu.

Perbicaraan disambung esok setelah sesi petang ditangguh untuk membolehkan Anwar menjalani imbasan otak di Hospital Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

SBB MAI